

Headline	SPNB bakal mulakan projek perintis		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	197,202
Page No	52	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	174 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,533
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,599



SPNB bakal mulakan projek perintis

SHAH ALAM – Syarikat Perumahan Negara Bhd. (SPNB) akan memulakan projek perintis perumahan yang menggabungkan sistem Penyelesaian Bangunan Bersepadu Hijau Ajiya (AGIBS) di dua penempatan Felda di Terengganu menjelang akhir tahun ini.

Pengerusi SPNB Mesra Sdn. Bhd., Datuk Mohamed Hasnan Che Hussin berkata, projek perumahan mampu milik untuk peneroka Felda generasi kedua itu akan dibina di Felda Chalok Barat di Setiu dan Felda Kerteh 6, Kemaman.

“Enam puluh unit akan dibina di Felda Chalok Barat manakala 90 unit di Felda Kerteh 6,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan bengkel latihan berhubung sistem AGIBS di Ajiya Bhd. (Ajiya) di sini semalam.

Mohamed Hasnan menjelaskan, 150 unit perumahan itu merupakan sebahagian daripada 20,000 unit perumahan yang akan dibina untuk peneroka Felda melalui satu memorandum persefahaman yang ditandatangani di antara SPNB dan Ajiya pada 14 Julai tahun ini.

Mohamed Hasnan berkata, AGIBS merupakan satu Sistem Bangunan Berindustri (IBS) dipatenkan yang menyediakan penyelesaian bangunan penuh bersepadu dan lestari bagi industri pembinaan bagi mengatasi masalah tenaga kerja, memendekkan masa pembinaan serta mengurangkan kos operasi.

Dengan mengguna pakai AGIBS, pembinaan projek perumahan akan dapat disiapkan dalam tempoh lapan bulan berbanding purata projek perumahan konvensional, dengan tempoh pembinaan sehingga 24 bulan.

Selain itu, Mohamed Hasnan berkata, 18 kontraktor yang berdaftar dengan SPNB menyertai bengkel sehari untuk mendapat pemahaman yang baik tentang AGIBS.

Mereka datang dari negeri yang mempunyai paling banyak penempatan Felda iaitu Negeri Sembilan, Terengganu dan Pahang. – Bernama